



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 1 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TULAR RATUSAN IKAN PARI TERDAMPAR, NEGERI SELANGOR/KL, SH -22 HASIL PUKAT NELAYAN TRADISI, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	ASNAF, BELIA USAHA PROJEK TANAM SAYUR, NASIONAL, BH -26	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5. 6.	TANAH BENDANG MURAH, JADI REBUTAN KONTRAKTOR, MUKA DEPAN, UM -1 & 3 JANGAN BIARKAN TANAH BENDANG HILANG, DALAM NEGERI, UM -8 MASALAH PENGAIRAN PUNCA SAWAH PADI BERKURANGAN DI NS, DALAM NEGERI, UM -8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8. 9. 10. 11.	BUKA PASAR TANI SECARA BERPERINGKAT, LOKAL, HM -22 TIADA MAKLUMAT TERPERINCI:EXCO. NEGERI PERAK/TERENGGANU, SH -26 MEAT GAMBIT, MUKA DEPAN, NST -1 MEAT CARTELS 'EXPLOITING LOOPHOLES IN THE SYSTEM', NEWS STORY OF THE DAY, NST -6 AGENTS USED TO TRANSACT WITH GOVT OFFICERS, CLAIMS SOURCE, NEWS STORY OF THE DAY, NST -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/KL	27

Tular ratusan ikan pari terdampar

TANJONG KARANG - Ratusan ikan pari terdampar di Pantai Sungai Kajang di sini masih menjadi tanda tanya selepas rakaman video tular di Facebook pada Sabtu.

Menerusi status dimuat naik sebuah laman Facebook memaklumkan, terdapat banyak ikan pari terdampar di pantai berkenaan, bagaimanapun, masih belum ada kepastian mengenai perkara itu.

“Ada sesiapa (nelayan di kawasan Pantai Sungai Kajang) boleh sahkan?,” kata pentadbir laman Facebook berkenaan.

Menerusi ruangan komen juga, terdapat video turut dimuat naik memaparkan beberapa nelayan yang berada di dalam bot mengangkat ikan pari naik ke jeti nelayan.

Seorang pemilik akaun Facebook menggunakan nama Ainul Haziq memberitahu, ikan pari itu tidak terdampar seperti yang tular di media sosial itu.

“Ini cerita semalam. Orang (nelayan) membelat (guna pukot dipacak pada dasar berlumpur) dapat hasil satu tan dan ia tidak terdampar seperti yang sedia maklum,” katanya.

Sementara itu, Jabatan Perikanan Selangor mengesahkan menerima laporan berhubung sejumlah ikan pari didaratkan



Ikan pari yang terdampar di Pantai Sungai Kajang yang tular di Facebook sejak Sabtu.

sekumpulan nelayan seperti yang tular di Facebook pada Sabtu.


Pengarahnya, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, bagaimanapun ikan pari terbabit tidak terdampar seperti didakwa, sebaliknya sekumpulan nelayan menangkap ikan pari menggunakan pukot yang dipacak pada dasar berlumpur di perairan pantai Sungai Kajang.

“Hasil tangkapan yang dilaporkan kira-kira sejumlah ikan pari seberat 1,450 kilogram dengan nilai keseluruhan berjumlah RM17,520 didaratkan di Jeti Sungai Kajang,” katanya kepada

Sinar Harian pada Ahad.

Abdul Rahman menegaskan, pihaknya mengingatkan nelayan tidak menggunakan peralatan menangkap ikan yang tidak dilesenkan dan menangkap ikan di kawasan zon konservasi iaitu di kawasan kurang daripada satu batu nautika daripada pantai merupakan kesalahan di bawah Akta Perikanan.

“Zon konservasi merupakan kawasan pembiakan anak-anak benih ikan dan merupakan ekosistem yang sensitif perlu dilindungi daripada aktiviti perikanan serta pembangunan,” katanya.



Hasil pukat nelayan tradisi

Ratusan ikan pari terdampar di pesisir pantai bukan fenomena luar biasa

IKAN pari yang terdampar di pesisir Pantai Sungai Kajang.

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Tanjung Karau

Jabatan Perikanan Selangor menjelaskan ratusan ikan pari terdampar di Pantai Sungai Karau di sini, yang menjadi tanda tanya penduduk bukannya fenomena luar biasa, sebaliknya ditanggap nelayan tradisi.

Pengarahnya Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, nelayan di kawasan itu menggunakan pukat yang dipacak di dasar berturut-turut di perairan pantai untuk menangkap ikan berkanaan.

"Seperti yang tular di media sosial pada 29 Januari lalu, nelayan tradisi yang berpangkalan di Jeti Sungai Kajang di sini dilaporkan berjaya menangkap sekawan ikan pari menggunakan pukat yang



IKAN pari yang terdampar nebyan.

dipacak pada dasar berturut-turut di perairan pantai Sungai Kajang.

"Hasil tangkapan ikan pari itu dilaporkan 1,450 kilogram dengan anggaran nilai RM 7,520," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan nelayan supaya tidak mengabaikan peraturan menangkap ikan yang tiada lesen atau ditangkap di zon konservasi atau di kawasan kuarang daripada satu batu nautika dari pantai.

"Zon konservasi merupakan kawasan pemuliharaan anak-anak benih ikan, ia merupakan ekosistem yang sensitif dan perlu dilindungi daripada aktiviti perikanan, serta pembalakan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan gambar dan video tular ikan pari terdampar di pesisir pantai di sini yang menimbulkan tanda tanya penduduk kampung.

Asnaf, belia usaha projek tanam sayur

Port Dickson: Projek menanam sayur-sayuran antara usaha dirintis sekumpulan penduduk Kampung Sawah Sunggala, di sini bagi meringankan beban kewangan berikutan penularan COVID-19 sejak setahun lalu.

Projek di tanah kerajaan seluas 0.4 hektar itu diusahakan empat asnaf dan empat belia kampung berkenaan sejak sebulan lalu, hasil idea Pengerusi Majlis Pengerusan Komuniti Kampung (MPKK), Muhammad Saufi Miad.

Muhammad Saufi berkata, buat masa ini, hanya kawasan bersebelahan Taman al-Quran Kampung Sawah Sunggala diusahakan sebagai projek rintis pertanian bagi menambah pendapatan penduduk terutama golongan asnaf dan belia yang tiada pekerjaan.

"Golongan asnaf dan belia yang tiada atau hilang pekerjaan adalah sasaran saya dalam projek tanaman terung dan cili ini.

"Saya juga menggalakkan penduduk mengusahakan kawasan tanaman sayur di rumah sendiri,



Muhammad Saufi (kiri) bersama peserta Projek Kebun Mini MPKK menunjukkan benih tanaman terung, di Kampung Sawah Sunggala, Port Dickson. (Foto Mohd Khidir Zakaria/BH)

kios menjual sayur dari ladang untuk melahirkan asnaf usahawan dan akhirnya, keluar dari masalah kemiskinan atau gelaran asnaf itu sendiri," katanya.

Muhammad Saufi berkata, bagi menyahut seruan kerajaan, dia mencari tanah terbiar milik kerajaan atau persendirian untuk diusahakan bagi menambah pendapatan penduduk terutama di sekitar Port Dickson.

"Di seluruh Negeri Sembilan, ada beribu hektar tanah terbiar dan tanah persendirian yang boleh menjadi sumber pendapatan lumayan jika diusahakan.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) harus membantu golongan terjejas kerana kita nak galakkan orang ramai menjadikan bidang pertanian sebagai jalan keluar dari masalah kemiskinan," katanya.

Katanya, bagi menjayakan Projek Kebun Mini MPKK itu, pihaknya mengeluarkan modal permulaan sebanyak RM5,000 keseluruhan dan berharap apa yang diusahakan berkembang dengan baik dari semasa ke semasa.

kami menyediakan benih cili atau terung secara percuma di Projek Kebun Mini MPKK," katanya ketika ditemui, semalam.

Katanya, peluang bagi menambah pendapatan melalui bidang pertanian cukup besar jika diusahakan bersungguh-sungguh.

"Kebanyakan orang kampung ini tidak tahu bagaimana cara memasarkan produk seperti sayur yang ditanam secara komersial. Sebagai jalan penyelesaian, saya beli semua hasil mereka.

"Saya nak bantu asnaf dan belia di kampung ini dengan membuka

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Perumahan dalam sawah

SEBUAH projek perumahan dalam proses pembinaan di tengah-tengah kawasan sawah padi di Simpang Empat, Alor Setar. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Tanah bendang murah, jadi rebutan kontraktor

Oleh **JAMLI AH ABDULLAH**
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Harga tanah di kawasan sawah padi di negeri ini yang murah menyebabkan lokasi tersebut menjadi 'panas'

di pasaran apabila menjadi rebutan dalam kalangan syarikat perumahan.

Perkara itu didedahkan oleh Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Kedah yang mendakwa tanah sawah di neg-

eri ini hanya dijual pada harga RM6 hingga RM8 kaki persegi berbanding tanah di kawasan lain yang dijual pada harga RM18 hingga RM20 kaki persegi.

Yang Dipertua PKMM Kedah, Mohamad Fauzee Mohamad

juga tidak menafikan lebih 80 peratus perumahan yang diusahakan mereka sebelum ini membabitkan tanah pertanian yang ditukar milik oleh syarikat perumahan terlibat.

"Sebagai kontraktor, kami

tidak terlibat dalam urusan tukar status tanah pertanian ini, melainkan syarikat perumahan tetapi tidak dinafikan tanah bendang lebih murah.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Tanah bendang murah, jadi rebutan kontraktor

Dari muka 1

“Dari segi peratusan pula boleh diandaikan sebanyak 80 peratus tanah yang terlibat (perojek perumahan baharu) merupakan tanah bendang,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan *Mingguan Malaysia* hari ini tentang kira-kira 35,000 hektar kawasan sawah padi di negeri ini ‘hilang’ selepas ditukar kepada kegunaan lain seperti pembangunan infrastruktur, komersial dan perumahan dalam tempoh 10 tahun lalu.

Jumlah kawasan sawah padi di bawah Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini sekarang dianggarkan

seluas kira-kira 100,685 hektar.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, **Che Ani Md Zain** pula berkata, isu penyusutan jumlah keluasan sawah padi di negeri ini bukanlah sesuatu yang baharu, sebaliknya telah berlaku sejak lebih 10 tahun lalu.

Malah beliau berkata, pihaknya telah beberapa kali membangkitkan perkara itu termasuk bertemu Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman.

Mengulas lanjut Mohamad Fauzee berkata, proses permohonan pertukaran status tanah kebiasaannya mengambil masa antara dua hingga tiga tahun namun tidak menjadi halangan kepada syarikat pemaju yang berminat

membangunkan tanah sawah.

“Proses permohonan tukar status tanah ini bukan mudah tetapi masalah tersebut bukan menjadi halangan kepada mereka untuk menunggu proses tersebut,” katanya.

Beliau menambah, walaupun projek perumahan dibangunkan di kawasan sawah padi namun tetap mendapat sambutan.

Sementara itu, menurut pengurus besar sebuah syarikat perumahan, **Mohd. Zubir Ahmad**, pertukaran status pembangunan di kawasan tanah pertanian tidak akan mendapat kelulusan secara sewenang-wenangnya sebaliknya mengikut keperluan setempat termasuk demografi penduduk.

“Ia melibatkan kertas kerja cadangan pembangunan projek untuk dinilai oleh Pejabat Tanah, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Kerajaan Tempatan.

“Dalam erti kata lain, syarikat pemaju harus menyakinkan kerajaan bahawa kawasan perumahan itu memanfaatkan penduduk terutama melibatkan kepadatan penduduk sebelum satu-satu projek itu diluluskan. Itu memakan masa dari dua hingga tiga tahun untuk diluluskan,” kata Pengurus Besar AIMA Development Sdn. Bhd. itu.

Tambah beliau, setakat ini pembangunan di tanah pertanian yang ditukar status itu hanya melibatkan pinggir bandar sahaja.

Jangan biarkan tanah bendang hilang

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pengambilan tanah bendang perlu diperketatkan bagi memastikan ia tidak menjejaskan pengeluaran padi dan beras negara.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, kehilangan 35,000 hektar kawasan padi di Kedah adalah disebabkan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang.

Malah katanya, kekurangan insentif terhadap pesawah padi menyebabkan mereka sanggup menjual tanah bendang dan beralih ke industri lain.

"Sepatutnya kerajaan dan pihak kementerian merangka suatu akta atau undang-undang supaya tanah bendang tidak boleh dipindah milik dengan sewenang-wenangnya.

"Penanaman padi pun memerlukan insentif yang lebih, jika pendapatan mereka berkurang disebabkan kerajaan bergantung kepada beras import, mereka mungkin tidak sanggup



ABDUL SHUKOR JURAIMI

lagi untuk menguruskan bendang dan menjual sahaja tanah mereka," katanya kepada Utusan Malaysia.

Jika perkara ini berterusan, Abdul Shukor berkata, kerajaan mungkin perlu bergantung lebih banyak kepada beras import.

"Populasi negara semakin meningkat, takkanlah kerajaan nak bergantung kepada import sahaja. Tambah bilangan jelapang padi sahaja tidak cukup.

"Perlu ada strategi bagaimana untuk menaikkan lagi pengeluaran padi dan beras negara, jika tidak kerajaan akan mengalami kerugian besar dan mungkin tidak mempunyai bekalan makanan mencukupi kerana bergantung kepada import," katanya.

Beliau mengulas laporan Utusan mengenai 35,000 hektar kawasan sawah padi di Kedah dikesan 'hilang' selepas ditukar kepada kegunaan lain seperti pembangunan infrastruktur, komersial dan perumahan dalam tempoh 10 tahun lalu.

Jumlah kawasan sawah yang tinggal sekarang dianggarkan seluas 270,000 hektar termasuk 100,685 di kawasan Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) tetapi dari tahun ke tahun ia dikhuatiri terus berkurangan.

Berikutan kehilangan 35,000 hektar kawasan tanaman padi tersebut, pengeluaran padi Kedah juga dianggarkan mengalami penyusutan kira-kira 350,000 tan setahun yang bersamaan nilai RM420 juta.

Tiada niat melagakan SPRM, polis - Hamidah

IPOH: "Saya ada bukti, tiada niat memfitnah atau mahu melagakan polis dan SPRM".

Itu jawapan Datuk Hamidah Osman terhadap tuduhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak bahawa beliau melaga-lagakan agensi itu dengan polis berhubung laporan polis yang dibuatnya mengenai isu tanah rizab Melayu yang dipindah milik.

Menurut Naib Presiden Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) itu, beliau hanya menyuarakan rasa kecewa apabila SPRM Perak memaklumkan mereka tidak menerima laporan polis yang telah dibuatnya mengenai isu berkenaan.

"Apabila polis maklumkan mereka sudah hantar surat bertarikh 30 September kepada SPRM, maka anggapan munasabah kita adalah SPRM kini ambil alih siasatan.

"Tetapi SPRM menafikan terima surat tersebut. Saya hanya tertanya-tanya siapa yang siasat kes tanah rizab Melayu ini sebenarnya," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Menurut Hamidah, tuduhan beliau melaga-lagakan SPRM dan polis merupakan tuduhan



HAMIDAH OSMAN

berat dan tidak berasas.

Beliau turut mempertikai niat di sebalik tuduhan tersebut.

"Berikutan tuduhan tersebut, saya melihat SPRM sudah hilang kredibiliti untuk memberi arahan lanjut dalam siasatan kes ini jadi siasatan kes ini dan arahan selanjutnya wajar diambil alih SPRM Putrajaya," katanya.

Semalam, Pengarah SPRM negeri, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad menyifatkan kenyataan Hamidah bahawa pihaknya dan polis 'melayan' isu tanah rizab Melayu 'seperti bola' sebagai cubaan untuk melaga-lagakan dua agensi berkenaan.

Masalah pengairan punca sawah padi berkurangan di NS

SEREMBAN: Isu pengairan menjadi masalah utama menyebabkan kebanyakan bendang sawah padi di negeri ini tidak dapat dimajukan.

Ia mengakibatkan terdapat pemilik-pemilik tanah sawah yang kini memajukan tanah sawah mereka kepada pihak lain untuk tanaman lain termasuk jagung dan pisang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, jumlah keluasan tanaman padi di negeri ini memang semakin menyusut namun kerajaan negeri akan cuba mengekalkan tanah-tanah sawah sedia ada yang masih boleh diusahakan.

"Untuk tanaman padi ini memang keperluan utamanya adalah air bagi pengairan sawah, jika tiada air memang mustahil untuk menanamnya. Di negeri ini padi masih banyak ditanam di daerah Kuala Pilah namun ada juga tanah bendang yang



MASALAH pengairan menyebabkan sesetengah bendang sawah di Negeri Sembilan tidak dapat dimajukan.

sudah ditanam tanaman lain kerana jauh dari punca air.

"Jika di kawasan Ulu Bendul sehingga Tanjung Ipoh masih banyak lagi sawah padi kerana dekat dengan punca air jadi ia

boleh dikekalkan untuk tanaman padi, bagi yang jauh sikit dan air tidak sampai ia telah diubah untuk tanaman seperti jagung," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Tambah Bakri, selain di Kuala Pilah, padi masih ditanam di daerah Jelevu dan juga di Jempol dan kebanyakannya tidak lagi diusahakan oleh pemilik tanah sebaliknya dipajak kepada pihak lain.

"Antara puncanya juga ialah pemilik tanah sawah tersebut tidak lagi mempunyai upaya dan kudrat untuk mengusahakan tanaman padi jadi mereka memajukan tanah mereka kepada orang lain," katanya.

Dalam pada itu, hasil maklumat yang diberikan oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri Sembilan kepada Utusan Malaysia, jumlah keluasan tanaman padi yang aktif di negeri ini adalah 786 hektar.

Jumlah tersebut adalah daripada keseluruhan 2,096 hektar yang masih sesuai untuk tanaman tersebut di negeri ini.

Menurut maklumat itu lagi, kebanyakan tanah sawah kini dipajak sama ada oleh syarikat-syarikat koperasi ataupun Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Statistik Tanaman (Sub Sektor Tanaman Makanan) 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian menunjukkan jumlah keluasan bertanam padi di Negeri Sembilan bagi tahun 2018 adalah seluas 1,820 hektar.



SERANYAK 22 daripada 48 pasar tani di Selangor dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan.

Buka pasar tani secara berperingkat

Shah Alam: Kerajaan Selangor akan membuka pasar tani di sekitar negeri secara berperingkat berdasarkan situasi semasa penularan wabak Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim berkata, sehingga kini hanya 22 daripada 48 pasar tani di negeri itu dibenarkan beroperasi mengikut prosedur

operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Ini termasuk pasar tani Stadium Shah Alam yang mula dibuka hari ini selepas dua minggu ditutup kerana kita perlu semak semula SOP," katanya ketika ditemui ketika meninjau pembukaan Pasar Tani Stadium Shah Alam, semalam.

Dalam pada itu, Izham berkata, pihaknya juga akan memulakan kembali Pasar Agro Selangor (SAM) yang

dilaksanakan, tahun lalu selepas perbincangan dengan pelbagai pihak berkaitan dalam masa terdekat.

"Kita tidak mahu pelaksanaan SAM bercangah deduk atau barangan yang tidak bawa menerusi SAM tidak sebanyak pasar tani, iaitu ia memfokuskan kepada barangan kegunaan harian diusahakan oleh usahawan agro Selangor," katanya.

Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri bersama penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam proses kajian akhir bagi menghasilkan makanan ternakan menggunakan bahan tempatan seperti jerami demi menawarkan bekalan makanan ternakan yang lebih murah kepada penternak.

Jelasnya, kebanyakan makanan ternakan ruminan (lembu, kambing, lembu susu) sekarang adalah diimport dari luar.

1/2/2021

SINAR
HARIANNEGERI
PERAK/

TERENGGANU

26

Tiada maklumat terperinci: Exco

Dakwaan cadangan projek penternakan udang di rizab Sungai Segari

Oleh SAIFULLAH AHMAD

BAGAN DATUK

Kerajaan Perak akan mendapatkan maklumat terperinci mengenai dakwaan cadangan projek penternakan udang di rizab Sungai Segari seperti didakwa penduduk.

Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, sebarang kegiatan akuakultur atau pembangunan di kawasan paya bakau perlu dilakukan secara lestari.

Menurutnya, perkara yang paling penting dalam sebarang pelaksanaan pembangunan adalah penguatkuasaan undang-undang serta kebenaran diberikan untuk projek itu.

"Kita belum dapat maklumat lanjut dan tengok keadaan sebenarnya sebagaimana dimaklumkan bahawa terdapat satu kawasan tanaman (bakau) dan akuakultur.

"Sama ada ternakan udang dibuat di luar zon akuakultur itu, kita nak tengok pembangunan di peringkat pengesanan. Kita akan dapatkan maklumat terperinci mengenainya," katanya selepas mengadakan Sesi Lawatan dan Penerangan Bersama Koperasi Bersepadu Rungkup Berhad di Pusat Internet Komuniti Simpang 4 Rungkup di sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar mengenai kekecewaan



Razman (tiga dari kanan) meninjau yang dibangunkan untuk ternakan udang yang dibantah penduduk di sini pada Ahad.

penduduk mengenai aktiviti pembersihan dijalankan sebuah syarikat berkaitan kerajaan berhampiran rizab Sungai Segari, Manjung kerana memusnahkan anak pokok bakau yang baharu ditanam.

Menurut penduduk, aktiviti itu dipercayai bagi memberi laluan untuk projek kolam

udang yang dikuatiri akan menjejaskan mata pencarian nelayan pesisir pantai.

Sementara itu, mengenai isu ternakan udang oleh sebuah syarikat swasta di tanah milik PKNP di Rungkup, Razman berkata, kerajaan negeri akan melihat punca isu berkenaan untuk membantu menyelesaikan

keimbangan penduduk

November lalu, penduduk Kampung Sungai Burung, Kampung Rungkup Kecil dan Kampung Simpang Empat Rungkup mengadakan demonstrasi membantah projek pembangunan kolam udang di atas tanah seluas 47 hektar di Mukim Bagan Datuk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/2/2021	NST	MUKA DEPAN	1

NEW
STRAITS TIMES
 ESTABLISHED 1845

PP413/09/2012 (030687) | FEBRUARY 1, 2021 | MONDAY | RM2.00

PIU BY EFFENDY RASHID



MEAT GAMBIT

A SENIOR official in an agency responsible for monitoring the nation's entry points exploited a loophole in the govt system to facilitate the movement of uncertified meat into the country by meat cartel companies, and the repackaging of meat with fake halal logos.

» SPECIAL REPORT BY **MOHAMED BASYIR** ON PAGE 6

3 CONSECUTIVE DAYS OF OVER 5,000 COVID-19 CASES » PAGE 2

6 NEWS / Story of the day

MEAT IMPORT SCANDAL

MEAT CARTELS 'EXPLOITING LOOPHOLES IN THE SYSTEM'

Flaw traced to senior officer of an agency tasked with monitoring entry points

MOHAMED BASYIR KUALA LUMPUR m.basyir@nst.com.my

MEAT cartels have taken advantage of loopholes in the current system for meat imports, leading to corrupt practices, including false claims, smuggling of non-certified meat, and repackaging of meat with fake halal logos, sources said.


The New Straits Times has learnt that this major flaw had been traced to a senior officer in one of the agencies responsible for monitoring the nation's entry points and had the authority to allow containers with the frozen beef supply to enter the country. Some importing companies had taken advantage of this fact to bring uncertified meat into the country with little or any obstacles.

The senior officer would comply with requests from the cartel companies, ensuring that their containers could enter and leave the ports with all the necessary procedures adhered to, at least on paper. Evidence sighted by NST showed direct communication between meat cartel companies and the senior officer when they apparently faced problems involving their shipments at entry points.

"For instance, if the meat in the containers did not fulfil the requirements, officers on the ground would inspect and seize it. The meat cartel companies importing it would be notified that their items would not be allowed to leave the port.

"The companies will send an email to the senior officer, and appeal to allow the containers to be released despite not fulfilling the permit requirements, such as health certifications and so on.

"The senior officer will then forward the email to the state director (in the state) where the containers were seized, asking for the items to be allowed to leave the port," said a source.



A circular on the relaxation of import permit requirements for agricultural products brought into the country via transshipment.

The source also revealed that the senior officer had issued a circular to ports on the relaxation of import permit requirements for agricultural products brought into the country via 'transshipment', except for Sabah and Sarawak.

Among the relaxed conditions were transshipment only for full container load, no change of "transshipment" status to import, no change of full container load to loose container load status, and only for containers with sealed tags from countries of origin. The source explained that the notice was meant to override the existing procedures for transshipment.

"So from the particular date the notice was issued, such transshipment activities were allowed."

The notice did not state that the containers with uncertified frozen meat, which should be exported to another country, are also required to leave from the same port where they entered. This leaves the door open for the containers being dropped in one port to then be transferred to another port using the Customs K8 Form. The source said the notice also did not state whether the items should be checked and cer-

tified when it was being transferred from one port to another port.

Due to this loophole, the agency could blame other agencies as being responsible for cases where such transactions are stopped by enforcement authorities. The source said cases where transshipment containers left free trade zones should not have happened in the first place. The free trade zones should serve as a transit point for transshipment activities for such meat containers to be re-exported back to another country.

"The raids at the Port Klang Free Zone (PKFZ) show that there are 'gaps' which allow such containers to leave the port and are brought to warehouses for repackaging with the uncertified halal logo and sold to the local market," said the source.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Deputy Chief Commissioner (Prevention) Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil, when contacted, said the agency would look into the loopholes from all aspects.

These, he said, included investigations on legal aspects and enforcement used, work process and guidelines before action was taken.

He gave the assurance that if there were loopholes that could potentially result in abuse of power, MACC would provide recommendations to the respective agencies or the ministry to limit power, including amending laws.

NST front-paged a report last month on a meat cartel, which had been in operation for more than 40 years.

Senior officers from no fewer than four government agencies were believed to be working hand in glove with the cartel specialising in bringing non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

The frozen meat imported by the cartel from non-certified countries is not limited to beef, but includes horse and kangaroo meat.

These items would, upon arrival in Malaysia, be mixed with beef in warehouses nationwide run by the cartel before being sold to unknowing suppliers.

Investigations by the MACC on the meat cartel case recently gathered pace with the arrests of 11 people so far, including five Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) officers, a delivery agent, and the directors and employees of two importing companies.



The WhatsApp messages between an agent and government officer as revealed by a source to NST.

Agents used to transact with govt officers, claims source

KUALA LUMPUR: Meat cartel companies used agents to deal with government officers stationed at entry points to let containers with uncertified frozen beef exit the ports.

A source provided the New Straits Times with several screenshots of WhatsApp messages between an agent and an officer on their transactions to turn a blind eye to allow meat containers to leave the ports without issues. The agents, who also act as "runners" for the meat cartel companies, will even negotiate "discounts" for the containers to exit the ports.

The officer would then seek "advise" from his superior, who would then order the officers to undertake specific tasks to facilitate the illicit transaction. The superior officer would then seek documents on the meat containers together with necessary health certificates.

"If want to settle tonight, no discounts (kalau nak 'settle' malam ini, harga tak boleh kurang)," said the superior before the message is forwarded to the runner by the officer.

The documents would be obtained early so that the containers may be allowed to leave without any hassle.

Through the exchange of messages, it was understood that the documents would also be submitted to the Health Ministry in a move to speed up the release of the meat supply containers.

The source, who revealed the WhatsApp messages, said such a procedure was considered a "norm" among the meat cartels and the government officers.

"They will deal with the officers discretely," said the source.